

MENJAGA PENAMPILAN DIRI DALAM KEHIDUPAN

Hidayah, Atheelah, Fatihah, Aisyah

PENGERTIAN PENAMPILAN DIRI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

- Islam ialah agama yang mementingkan kebersihan dan penampilan diri.

FIRMAN ALLAH S.W.T :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ ٢٢٢

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

DALIL TUNTUTAN MENJAGA PENAMPILAN DIRI:

يٰۤاٰدَمَ خُذُوْا زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ ١٣

Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.

1. Kebersihan dan penampilan diri haruslah dijaga secara zahir dan batin. Secara tidak langsung, ia akan menjaga imej dan martabat umat Islam
2. Rasulullah sentiasa menjaga kebersihan badan dan pakaiannya seperti bersuci, mandi, pakai pakaian yang bersih dan kemas.
3. Kita digalakkan untuk menjaga penampilan selagi tidak melampaui batas syara'.

2. Berpakaian suci dan bersih.

- Pakai pakaian yang bersih dan kemas.
- Pakaian hendaklah suci daripada kekotoran najis.
- Pakaian hendaklah diperbuat daripada bahan yang halal.

FIRMAN ALLAH S.W.T:

وَتِيَابِكُمْ فَطَهِّرْ

BERSIHKANLAH PAKAIAN MU (سورة المدثر 4:74)

3. Menutup aurat.

- Antara batas syara' yang ditetapkan Islam dalam menjaga penampilan diri adalah menutup aurat.
- Aurat adalah satu anggota badan yang tidak boleh diperlihatkan oleh lelaki atau perempuan kepada orang lain.
- Aurat bagi lelaki adalah dari pusat hingga lutut manakala bagi perempuan seluruh anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Rasulullah bersabda

لَا يَنْظُرُ الرَّجُلُ إِلَى عَوْرَةِ الرَّجُلِ، وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى عَوْرَةِ الْمَرْأَةِ

Janganlah seorang lelaki melihat aurat lelaki yang lain, jangan pula seorang wanita melihat aurat wanita yang lain.

Tanggungjawab menjaga penampilan diri

1. Menjaga kebersihan tubuh badan

- Islam amat menuntut agar umatnya menjaga kebersihan diri agar memberikan keselesaan bukan sahaja untuk diri sendiri malahan orang lain .
- Orang lebih selesa bergaul dengan kita sekiranya badan dan nafas kita berbau segar. Rasulullah S.A.W. bersabda

لَوْلَا أَنْ أَشُقَّ عَلَىٰ أُمَّتِي لِأَمْرَتِهِمْ بِالسَّوَابِكِ

“Kalau tidaklah akan menyusahkan umatku akan aku suruh mereka bersuci

- Jelas pada hadis ini Rasulullah menitik beratkan kebersihan tubuh badan termasuk nafas

4. MENGIKUT KEMAMPUAN

- Bersederhana dalam penampilan tidak berlebih-lebihan.
- Pakaian yang dibeli hendaklah sekadar kemampuan, tidak terlalu mewah.

FIRMAN ALLAH S.W.T:

انه لا يحب المرففين

SESUNGGUHNYA ALLAH TIDAK MENYUKAI ORANG YANG BERLEBIHAN

(سورة لاعراف 31 : 7)

5. bukan untuk bermegah-megah

- Pada perspektif Islam, menjaga penampilan diri hendaklah suci daripada sifat riya, bangga diri, dan takbur serta memandang rendah kepada orang lain.
- Hal ini kerana ia mengundang dosa dan membuatkan kita dijangkiti penyakit hati.

Sabda Rasulullah:

Ertinya : daripada Abu Hurairah, Rasulullah bersabda: Allah tidak melihat kepada sesiapa yang melabur pakaian kerana sombong pada hari kiamat .

6. MENJAGA MARUAH DAN MARTABAT.

- Islam melarang umatnya memakai pakaian yang boleh menjatuhkan martabat dan maruah diri.
 - ❑ memakai pakaian yang mengandungi lambang-lambang agama lain.
 - ❑ Ungkapan lucah atau ganas
 - ❑ Ciri-ciri tidak menggambarkan keindahan islam.
- Melarang berpakaian dengan berpakaian yang berlainan jantina

SABDA RASULULLAH S.A.W

DARIPADA IBNU ABBAS BERKATA: RASULULLAH MELAKNATLELAKI YANG MENYERUPAI PEREMPUAN DAN PEREMPUAN MENYERUPAI LELAKI.

(RIWAYAT BUKHARI)

Kepentingan menjaga penampilan diri dalam kehidupan

1. Menzahirkan salah satu syarak islam iaitu menjaga kebersihan.
2. Meninggikan dan melahirkan maruah diri individu dengan menutup aurat.
3. Menjaga imej individu dan umat islam dari pandangan masyarakat luar khususnya bukan islam.
4. Menjadikan seseorang individu itu sihat-tubuh badan, jauh daripada sebarang penyakit.
5. Disukai orang ramai kerana penampilan yang bersedarhana dan tidak menunjuk-nunjuk
6. Dapat menguruskan ekonomi diri dan keluarga dengan baik kerana bijak belanja.




USAHA DAN TINDAKAN UNTUK MENJAGA PENAMPILAN DIRI DALAM KEHIDUPAN

INDIVIDU

1. Sentiasa menjaga kebersihan tubuh badan & pakaian.
2. Memakai pakaian yang menutup aurat.
3. Menjadikan Rasulullah ikon dalam penampilan diri
4. Bersederhana dalam pakaian, tidak menunjuk-nunjuk.

MASYARAKAT

1. Mewujudkan zon-zon menutup aurat. 
2. Wujudkan bulan dakwah.
3. Ibu bapa hendaklah membimbing anak-anak dalam soal pemilihan pakaian.
4. Pihak sekolah kerjasama unit kaunseling boleh mengadakan kempen.

NEGARA

1. Mewartakan etika berpakaian sopan di tempat awam.
2. Melantik duta menjadi ikon muslim.
3. Memperbanyakkan kempen di radio atau televisyen.
4. Mengadakan program keagamaan.